

KUALA LANGAT, SEPANG

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-8680920 / 019 0680275 (G)

Minta restu orang lama

Shahril yakin pentingnya nasihat pemimpin terdahulu

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

"T iada apa yang boleh menggantikan kebijaksanaan orang lama, silap kalau saya tak minta restu dan doa mereka," demikian ujar calon BN bagi kerusi Parlimen Kuala Langat, Shahril Sufian Hamdan.

Beliau yang terharu mendengar nasihat bekas wakil rakyat Dun Banting, Datin Paduka Fatimah Suhaimi mengambil positif apa yang



Shahril sempat berjumpa Fatimah (duduk) dan mendengar nasihat bekas pemimpin itu.

disuarakan bekas pemimpin masyarakat itu sebagai motivasi dalam menjadi calon yang pemudah cara.

Menurut Shahril, Kuala Langat sebenarnya pernah mempunyai pemimpin muda yang menjadi wakil rakyat bagi kawasan itu.

"Saya tak pasti saya mempunyai bakat yang serupa atau tidak tetapi saya mengambil sikap positif meminta restu dan doa atas pencalonan saya."

"Pada saya ini perkara yang paling utama saya lakukan selepas menerima wati-

kah, bukan seorang dua orang lama tetapi ramai lagi yang memegang jawatan saya selikan dalam program untuk saya jumpa mohon restu dan doa," katanya ketika ditemui dalam Program Walkabout Ziarah Masyarakat di Kampung Medan, semalam.



Menziarahi Fatimah Lobeh, 51, yang mengalami masalah sakit kaki.

Pemuda berusia 32 tahun ini berkata, lawatan rumah ke rumah yang dilakukannya itu merupakan kempen asas dalam mana-mana PRU.

Walaupun perlu mencari strategi kreatif dalam menangani cabaran anak muda hari ini, politik bersempena masih

diperlukan.

"Dalam titik sentuhan itu kita perlu merendah diri dan banyak mendengar, antara nasihat yang saya paling suka antaranya, ahli politik kadang-kadang suka bercakap tetapi kurang mendengar," katanya.

Wacana Sinar
55

SEMUA DIUNDANG HADIR



MODERATOR
Hj Nazri Kahar
Astro Awani

Datuk Sohaimi
Shahadan
Ahli Majlis Tertinggi Umno

Hj Syahir Sulaiman
Pegawai Strategi
Pemuda PAS

Dato' Dr Mujahid
Yusof Rawa
Naib Presiden Amanah

TIGA PENJURU: SIAPA DAPAT MANFAAT?

TARIKH: 2 MEI 2018 (RABU) • MASA: 3.00 - 5.00 PM • TEMPAT: Dewan Karangraf, Kompleks Kumpulan Media Karangraf, Seksyen 15, Shah Alam

HUBUNGI: ZAILA (019-7904669) / HAFIZ (018-3552990) UNTUK HADIR KE WACANA INI

Saksikan secara langsung di



Sinar
www.sinarharian.com.my

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019 6680275

Tekad pertahan Morib

Hasnul yakin sokongan pengundi masih bersamanya selepas keluar Pas

NURUL FIRDAUS KHAIRI

MORIB

Penyandang kerusi Dun Morib, Hasnul Baharuddin dari Pakatan Harapan (Harapan) mengakui kerusi itu kini menjadi tumpuan apabila bakal berlaku pertembungan dengan rakan seperjuangan dalam Pas, Muhammad Sallehuddin Hafiz dan calon BN, Rozana Kamarulzaman pada PRU kali ini.

Hasnul yang sebelum ini bertanding atas tiket Pas pada PRU lalu, optimis 80 peratus pengundi di Morib masih

bersamanya.

"Sebenarnya kekuatan saya adalah pengundi bukan Melayu dan saya mempunyai pengundi tegar sendiri.

"Insya-ALLAH saya boleh menang walaupun terpaksa bertanding tiga penjur. Realiti sekarang Pas dah keluar dari Pakatan Rakyat dan telah kehilangan perlahan-perlahan penyokongnya," katanya kepada Sinar Harian mendakwa dirinya masih diterima rakyat Dun Morib.

Hasnul berkata, penyokong Harapan bukan setakat pengundi Cina dan India malah lonjakan pengundi Melayu begitu tinggi.

Katanya, kelebihan Harapan di Morib dan kerusi Parlimen sebenarnya sokongan daripada sokongan pelbagai kaum.

"Calon baharu BN untuk Parlimen yang menjadi bualan masyarakat itu pun ada kebaikan dan kekurangan. "Cumanya kita ada pen-



Calon Harapan, Hasnul (kanan) bersama Xavier dan Weng San tekad mempertahankan semua kerusi di Kuala Langat.

gundi India yang mana calon Parlimen kita, Dr Xavier Jayakumar sangat rapat dengan masyarakat dan banyak kebaikan bakal dikecapi kumpulan itu juga," katanya.

Mengulas mengenai calon muda yang dipertaruhkan

di Kuala Langat, beliau percaya ia turut memberi kesan terutama kepada undi golongan bella.

"Seperti contoh jika ada masalah dengan (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) PTPTN, mereka

tidak boleh buat pinjaman perumahan ia beri kesan kepada anak muda.

"Apa pun bagi saya, pengaruh Harapan di Kuala Langat, masih kuat dan luas," katanya.

Sementara itu, Xavier ke-

info Optimis 80 peratus pengundi masih beri sokongan

tika ditemui berkata, walaupun beliau bukan orang tempatan, beliau masih raket Malaysia yang boleh membantu rakyat di kawasan Kuala Langat.

Katanya, beliau berjanji menyelesaikan masalah di daerah itu dan yakin gandingan mantap di semua kerusi tiga penjur yang dipertandingkan bakal memberi kemenangan besar kepada Harapan pada PRU kali ini.

Bagi calon Harapan kerusi Dun Banting, Lau Weng San pula, tiada menjadi isu jika seseorang calon itu anak tempatan atau tidak.

Katanya, beliau yakin rakyat di Dun Banting masih boleh menilai calon yang boleh memberikan perkhidmatan terbaik di kawasan itu.



Dawam (tengah) pada jualan lelong di Karnival Jualan Sejahtera Koperasi, semalam.

SKM beri peringatan kepada koperasi

KUALA LANGAT - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Selangor mengingatkan setiap koperasi perlu menawarkan harga yang berpatutan atau sekurang-kurangnya di bawah pasaran semasa.

Naib Pengerusi Eksekutif Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Dawam Hasan berkata, tidak dinafikan bahawa pengguna amat sensitif dengan harga barang apabila membeli keperluan harian.

Disebabkan itu katanya, SKM beranjanjikan memperkenalkan produk-produk jualan koperasi kepada umum selain memberi ruang pasaran dan pilihan kepada pengguna untuk membeli belah barangan

keperluan.

"Sebanyak enam koperasi di bawah bidang keberhasilan utama pemborong dan peruncitan terlibat dalam menjayakan program.

"Saya lihat koperasi-koperasi ini mempunyai 'distribution centre (DC)' dan 'sub DC' mereka masing-masing yang boleh menjual barang-barang keperluan membuat pesanan secara pukal dan terus daripada pengeluar atau pengilang," katanya ketika ditemui dalam Karnival Jualan Sejahtera Koperasi Pasca Hari Koperasi Negara 2018, SKM Cawangan Negeri Selangor di Padang Pusat Kegiatan Kemas Kampung Bandar.

Jangan benci saya: Herman Tino

KUALALANGAT - "Saya merayu kepada rakyat Selangor tolonglah jangan benci saya selepas ini, hati saya masih sayang kepada parti Umno".

Demikian luahan penyanyi era 80-an, Herman Tino atau nama sebenarnya Masrun Tamsi, ketika diminta mengulas mengenai tindakannya yang tidak kembali bertanding seperti PRU lalu.

Menurut Herman, beliau langsung tidak berhasrat untuk bertanding pada PRU14 dan menyifatkan beliau masih berjiwa Umno.

Menurutnya, ketika itu beliau hanya hendak menterjemahkan kemarahannya untuk mendapatkan bayaran yang sepatutnya kerana menyanyi adalah periuq nasinya.

"Saya bergerak pun guna



Saya merayu kepada rakyat Selangor tolonglah jangan benci saya, hati saya masih sayang Umno."

- Herman Tino

duit sendiri, cuma kalau saya menyanyi, tolonglah bayar harga yang patut, itu adalah punca nafkah saya.

"Bagi saya (penyandang kerusi Parlimen Tanjong Karang) Tan Sri Noh Omar memang baik hati berbanding saudara (Datuk Seri Mohamed) Azmin (Ali).

"Saya pun taksipan dalam hati dan kini tetap berjuang untuk kemenangan, tetapi sekali lagi terima kasih kepada orang Umno yang masih menerima saya," katanya ketika diminta mengulas mengenai mengapa tidak 'membuat kacau' dengan bertanding sebagai calon Bebas pada PRU kali ini.

Mengimbu kembali ke-

marahannya pada PRU lalu, Herman mengakui, keputusannya ketika itu hanya didorong oleh perasaan marah.

"Saya lebih suka menyanyi hiburan peminat saya, namun sebenarnya saya tetap sayangkan parti Umno.

"Saya harap orang di Selangor faham dan terima saya," katanya yang sempat mengisytiharkan diri sebagai calon BN Dun Morib, Rozana Kamarulzaman yang hadir dalam satu program di Morib untuk terus bekerja keras pada PRU kali ini.

Pada PRU13, Herman bertanding atas tiket Bebas di kerusi Parlimen Tanjong Karang menentang Noh dan calon Pas.

